Kung Lim Siew Wan (p) lwn Choong Chee Kuan

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — SAMAN PEMULA NO S8(S4)-24-3231 TAHUN 2001
RAUS SHARIF H
28 MEI 2003

Acara Sivil *— Bidang kuasa — Prosiding penceraian — Pihak-pihak berkahwin di bawah undang-undang sivil — Defendan pada masa perkahwinan mengakui dirinya sebagai penganut Buddha — Defendan sekarang mendakwa dirinya telah memeluki agama Islam sebelum perkahwinan — Sama ada mahkamah sivil mempunyai bidangkuasa mendengar permohonan plaintif — Sama ada defendan diestop atau dihalang daripada menggunakan identitinya sebagai seorang yang beragama Islam semata-mata untuk mengelak dirinya daripada menjalankan tanggungjawabnya di bawah undang-undang sivil*

Interpretasi Statutori *— Pentafsiran Akta — Hasrat perundangan — Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan & Penceraian) 1976 s 3*

Undang-Undang Keluarga *— Penceraian — Bidang kuasa — Pihak-pihak berkahwin di bawah undang-undang sivil — Defendan pada masa perkahwinan mengakui dirinya sebagai penganut Buddha — Defendan sekarang mendakwa dirinya telah memeluki agama Islam sebelum perkahwinan — Sama ada mahkamah sivil mempunyai bidang kuasa mendengar permohonan plaintif — Sama ada defendan diestop atau dihalang daripada menggunakan identitinya sebagai seorang yang beragama Islam semata-mata untuk mengelak dirinya daripada menjalankan tanggungjawabnya di bawah undang-undang sivil*

Plaintif telah berkahwin dengan defendan pada 1984 di bawah Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan & Penceraian) 1976 ('Akta tersebut') dan perkahwinan mereka didaftarkan di Pejabat Pendaftar Perkahwinan di Alor Setar, Kedah. Selepas berkahwin, mereka bermastautin di Kota Bahru, Kelantan di mana masing-masing bekerja sebagai doktor pergigian. Mereka dikurniakan dua orang anak. Akibat daripada masalah rumah tangga yang timbul, pasangan telah tinggal berasingan sejak Julai 2000. Plaintif bersama kedua-dua anak perkahwinan tersebut menetap di Kuala Lumpur, sementara defendan terus tinggal di Kota Bahru, Kelantan. Plaintif telah memfailkan saman pemula di mana plaintif memohon, antara lain, hak jagaan, kustodi, pemeliharaan dan kawalan ke atas anak perkahwinan tersebut serta senggaraan bagi anak-anak perkahwinan dan plaintiff sendiri dan kos. Defendan telah memfailkan permohonan supaya saman pemula plaintif dibatalkan di atas alasan bahawa mahkamah sivil tidak mempunyai bidangkuasa untuk mendengar tindakan plaintif tersebut kerana defendan sejak tahun 1974 dan semasa berkahwin dengan plaintif adalah seorang yang beragama Islam.

Diputuskan, menolak permohonan defendan:

(1) Persoalan pertama adakah keterangan dokumen pendaftaran yang dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu

Kelantan yang dikemukakan sebagai keterangan mencukupi untuk mahkamah ini untuk membuat penemuan fakta balas bahawa defendan memang sejak tahun 1974 seorang yang beragama Islam. Menurut defendan beliau telah memeluk agama Islam dan didaftarkan sebegitu pada tahun 1974. Pemelukan beliau ke dalam agama Islam bernombor pendaftaran 309/74 dengan nama kenalannya sebagai Jefri Choong bin Abdullah. Persoalan ini penting kerana penyataan fakta oleh defendan itu adalah dipertikaikan oleh plaintif (lihat ms 265D–F).

(2) Plaintif mendakwa defendan tidak pernah menggunakan nama Islamnya dan sepanjang pengetahuan plaintif, defendan terus menggunakan nama Cinanya di passport, di Lembaga Pendaftaran Doktor Pergigian Malaysia, di borang permohonan untuk pembantu rumah dan sebagainya. Semua rakan-rakan sekelas plaintif dan defendan di universiti, saudara mara plaintif, rakan perniagaan, rakan-rakan doktor termasuklah kebanyakan orang yang plaintif dan defendan kenali di Kota Bahru, mengetahui dan mengenali defendan sebagai seorang yang bukan beragama Islam. Sejak mereka berkenalan pada tahun 1978 semasa di universiti sehinggalah perkahwinan mereka berdua pada tahun 1984, defendan tidak pernah menyebut sebarang perkara yang menunjukkan bahawa beliau adalah seorang yang beragama Islam. Plaintif yang tinggal di rumah keluarga defendan di Kota Bahru sebelum perkahwinan mendapati bahawa tiada sebarang amalan berkaitan dengan Islam di dalam keluarga defendan. Selepas mereka berkahwin, defendan tidak pernah mengamalkan ajaran agama Islam malah defendan telah menjalani kehidupan sebagai seorang yang bukan beragama Islam, di mana defendan telah mengikut sekeluarga dalam makanan yang tidak halal dan amalan cara hidup yang bukan Islam (lihat ms 265F–266A).

(3) Jelas terdapat pertikaian fakta samada defendan seorang yang beragama Islam semasa beliau berkahwin dengan plaintif di bawah Akta tersebut. Oleh kerana terdapat pertikaian fakta itu, sudah tentu mahkamah ini tidak boleh terus membatalkan Saman Pemula plaintif seperti yang dipohon oleh defendan. Ia bukanlah kes yang jelas dan nyata di mana mahkamah boleh membatalkan tindakan plaintif tanpa mendengar apa-apa keterangan. Atas alasan ini sahaja, mahkamah ini berpendapat bahawa permohonan defendan untuk membatalkan tindakan plaintif, seharusnya ditolak (lihat ms 266A–B, D–E).

(4) Jika pun benar dakwaan defendan bahawa beliau beragama Islam semasa perkahwinannya dengan plaintif didaftarkan di bawah Akta tersebut, mahkamah ini tidak seharusnya membatalkan tindakan plaintif atas alasan ketiadaan bidangkuasa untuk mendengar tindakan plaintif. Walaupun s 3(3) Akta tersebut menyatakan bahawa Akta tersebut adalah tidak berkuatkuasa ke atas seseorang yang beragama Islam, ataupun kepada sesiapa yang berkahwin di

bawah undang-undang Islam, defendan adalah diestop atau dihalang daripada menggunakan identitinya sebagai seorang yang beragama Islam, semata-mata untuk mengelak dirinya daripada menjalankan tanggungjawabnya di bawah Akta tersebut, memandangkan defendan semasa mendaftarkan perkahwinannya dengan plaintif telah mengakui dirinya sebagai penganut Buddha. Pengistiharan defendan sendiri sebagai penganut Buddha, menyekat defendan daripada menggunakan penganutan Islam sebagai satu jalan keluar daripada tanggungjawabnya di bawah undang-undang sivil (lihat ms 266E–G).

(5) Jelas peruntukan s 3(3) bertujuan memberi suatu penyelesaian untuk mana-mana pihak yang bukan penganut agama Islam semasa presiding penceraian dilakukan. Walaupun terdapat sedikit perbezaan dalam kes ini daripada kes *Tang Sung Mooi lwn Too Miew Kim* [1994] 3 MLJ 117 (SC), malah prinsip yang sama adalah terpakai. Defendan tidak boleh menggunakan s 3(3), untuk menyekat plaintif daripada menuntut haknya di mahkamah sivil. Akta tersebut sememangnya memperuntukkan perlindungan kepada hak-hak plaintif dan juga anak-anak yang terlibat. Jika tidak di manakah plaintif hendak membuat tuntutan yang berbangkit dalam Akta tersebut. Sudah tentunya tidak di Mahkamah Syariah kerana plaintif sebagai bukan Islam tidak boleh membuat tuntutan seperti di saman pemula di Mahkamah Syariah (lihat ms 267A–B, G–I); *Tang Sung Mooi lwn Too Miew Kim* [1994] 3 MLJ 117 diikut.

[English summary

The plaintiff married the defendant in 1984 under the Law Reform (Marriage and Divorce) Act 1976 ('the Act') and their marriage was registered in the office of the Registrar of Marriages at Alor Setar, Kedah. Subsequent to the marriage the couple resided in Kota Bahru, Kelantan where they both worked as dentists. There were two children of the marriage. Following domestic problems, the couple separated since July 2000. The plaintiff and the two children of the marriage resided in Kuala Lumpur while the defendant continued to reside in Kota Bahru, Kelantan. The plaintiff filed an originating summons seeking, inter alia, care, custody and control of the children of the marriage and support for the children of the marriage and for the plaintiffff herself, and costs. The defendant applied to strike out the plaintiff's originating summons on the grounds that the civil courts had no jurisdiction to hear the plaintiff's application as the defendant since and at the time of his marriage to the plaintiff had embraced Islam.

Held, dismissing the defendant's application:

(1) The first question was whether the registration document issued by the Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan

which was produced in evidence was sufficient to make a finding that the defendant since 1974 had embraced Islam. The defendant allegedly embraced Islam and was accordingly registered in 1974. The defendant's conversion to Islam was registered number 309/74 under the name Jefri Choong bin Abdullah. This question was important as this statement of fact was disputed by the plaintiff (see p 265D–F).

(2) The plaintiff alleged the defendant never used his Islamic name and, to the Plaintiff's knowledge, the defendant continued using his Chinese name in his passport, in the Malaysian Board of Dentists registry, on the application form for a domestic helper etc. All the plaintiff's and defendant's classmates at university, the Plaintiff's relatives, business partners, colleagues and the majority of the acquaintances of the plaintiff and defendant in Kota Bahru, knew and identified the defendant as a person not of the Islamic faith. Since they met in 1978 while at university until their marriage in 1984, the defendant had never said anything to indicate that he was of the Islamic faith. The plaintiff, who had resided in the defendant's family home in Kota Bahru before the wedding, had found no practice relating to the Islamic faith by members of the defendant's family. After the marriage, the defendant never practised the Islamic faith but continued to live the life of a person not of the Islamic faith, accompanying the family in eating non-halal food and practising a way of life that was not Islamic (see pp 265F–266A).

(3) It was clear that a dispute of fact arose whether the defendant was a person of the Islamic faith when he married the plaintiff under the Act. In light of this dispute of fact, this court certainly cannot summarily strike out the plaintiff's originating summons as prayed for by the defendant. This was not a clear and obvious case where the court could strike out the plaintiff's action without hearing any evidence. On this ground alone, this court was of the opinion that the defendant's application to strike out the plaintiff's action ought to be dismissed (see p 266A–B, D–E).

(4) Even if the defendant's allegation that he had converted to Islam at the time his marriage to the plaintiff was registered under the Act, this court ought not to strike out the plaintiff's action for want of jurisdiction to hear her claim. Although s 3(3) of the Act states that the Act does not operate as against a person professing the Islamic faith, or on persons married under Islamic law, the defendant was estopped and prevented from using his identity as a person of the Islamic faith for the express purpose of evading his responsibilities under the Act, in view of the fact that the defendant at the time of registration of the marriage to the plaintiff had declared himself a Buddhist. The defendant's declaration that he was a Buddhist prevented the defendant from using his conversion to the Islamic faith as a way out of his obligations under the civil law (see p 266E–G).

(5) It is clear that the provisions of s 3(3) were intended to provide an avenue for persons not of the Islamic faith at the time of divorce proceedings. Although there was some difference in the present case from the situation in *Tang Sung Mooi v Too Miew Kim* [1994] 3 MLJ 117 (SC), the same principles applied. The defendant could not use s 3(3) to prevent the plaintiff from claiming her rights in the civil courts. The Act protects the rights of the plaintiff and the children involved. If this were not so, where else could the plaintiff claim her rights under the Act. Certainly not in the Syariah Courts as the plaintiff as a person not of the Islamic faith could not make claims as per her originating summons in the Syariah Courts (see p 267A–B, G–I); *Tang Sung Mooi v Too Miew Kim* [1994] 3 MLJ 117 followed.]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai prosiding perceraian, lihat 2(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2001 Reissue) perenggan-perenggan 3694–3695.

Untuk kes-kes mengenai bidang kuasa untuk perceraian dalam undang-undang keluarga, lihat 7(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2001 Reissue) perenggan-perenggan 3034–3048.

Kes-kes yang dirujuk

Lee Nyan Choi v Voon Noon [1979] 2 MLJ 28 (dirujuk)
Tang Sung Mooi v Too Miew Kim [1994] 3 MLJ 117 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan & Penceraian) 1976 s 3(3)

C Jegathesan (*C Jegathesan*) bagi pihak pemohon/defendan.
Low Beng Choo (*Low Beng Choo & Assoc*) bagi pihak responden/plaintiff.

Raus Sharif H: Plaintif (isteri) telah berkahwin dengan defendan (suami) pada 25 Mac 1984 di bawah Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan & Penceraian) 1976 ('Akta tersebut'). Perkahwinan mereka didaftarkan di Pejabat Pendaftar Perkahwinan di Alor Setar, Kedah. Selepas berkahwin, mereka bermastautin di Kota Bahru, Kelantan di mana masing-masing bekerja sebagai doktor pergigian. Mereka dikurniakan dengan dua orang anak, iaitu Choong Eih Mein (15 tahun) dan Choong Eih Jin (10 tahun). Akibat daripada masalah rumahtangga yang timbul, mereka telah tinggal berasingan sejak 31 Julai 2000. Plaintif bersama kedua-dua anak tersebut menetap di Kuala Lumpur, sementara defendan terus tinggal di Kota Bahru, Kelantan.

Pada 12 September 2001, plaintif telah memfailkan saman pemula (kandungan 1) di mana plaintif memohon perintah-perintah seperti berikut:

A (i) bahawa plaintif diberi hak jagaan, kustodi, pemeliharaan dan kawalan ke atas kedua-dua anak tersebut;

(ii) bahawa defendan membayar jumlah RM3,000 sebulan sebagai senggaraan bagi kedua-dua anak tersebut mulai dari tarikh di mana defendan telah abai membayar peruntukan untuk kedua-dua anak tersebut dari Januari 2001 atau apa-apa jumlah wang yang sebagaimana didapati sesuai oleh mahkamah yang mulia ini;

B

(iii) bahawa defendan membayar jumlah RM2,000 sebulan sebagai senggaraan bagi diri plaintif isteri dari tarikh plaintif diabaikan iaitu 31 Julai 2000 atau apa-apa jumlah wang yang sebagaimana didapati sesuai oleh mahkamah yang mulia ini;

C (iv) bahawa kos bagi prosiding ini ditanggung oleh defendan; dan

(v) lain-lain relif yang difikirkan wajar oleh mahkamah yang mulia ini.

Berikutan dari saman pemula plaintif tersebut, defendan telah memfailkan saman dalam kamar (kandungan 12) bertarikh 4 Februari 2002, memohon supaya saman pemula plaintif dibatalkan. Alasan yang dikemukakan oleh defendan adalah bahawa mahkamah ini tidak mempunyai bidangkuasa untuk mendengar tindakan plaintif tersebut kerana defendan semasa berkahwin dengan plaintif adalah seorang yang beragama Islam. Menurut defendan, beliau telah memeluk agama Islam dan didaftarkan sebegitu pada 26 November 1974. Menurut defendan seterusnya, pemelukan beliau ke dalam agama Islam mempunyai nombor pendaftaran 309/74 dengan nama kenalannya sebagai Jefri Choong bin Abdullah. Dokumen pendaftaran itu dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan dan telah dikemukakan sebagai keterangan (CCKI). Persoalannya adakah keterangan tersebut mencukupi untuk mahkamah ini untuk membuat penemuan fakta balas bahawa defendan memang sejak tahun 1974 adalah seorang yang beragama Islam.

D E F

Persoalan ini penting kerana penyataan fakta oleh defendan itu adalah dipertikaikan oleh plaintif. Plaintif dalam affidavit balasannya telah menyatakan bahawa defendan tidak pernah menggunakan nama Islamnya dan sepanjang pengetahuan plaintif, defendan terus menggunakan nama cinanya di passport, di Lembaga Pendaftaran Doktor Pergigian Malaysia, di borang permohonan untuk pembantu rumah dan sebagainya. Tambahan pula, menurut plaintif bahawa semua rakan-rakan sekelas plaintif dan defendan di universiti, saudara mara plaintif, rakan perniagaan, rakan-rakan doktor termasuklah kebanyakan orang yang plaintif dan defendan kenali di Kota Bahru, mengetahui dan mengenali defendan sebagai seorang yang bukan beragama Islam. Menurut plaintif selanjutnya, sejak beliau berkenalan dengan defendan pada tahun 1978 semasa di universiti sehinggalah perkahwinan mereka berdua pada tahun 1984, defendan tidak pernah menyebut sebarang perkara yang menunjukkan bahawa beliau adalah seorang yang beragama Islam. Plaintif yang tinggal bersama-sama dengan defendan di rumah keluarga defendan di Kota Bahru sebelum perkahwinan mendapati bahawa tiada sebarang amalan berkaitan dengan Islam di dalam keluarga defendan. Malah menurut plaintif bahawa selepas mereka berkahwin, defendan tidak pernah mengamalkan ajaran agama

G H I

Islam yang memberi anggapan kepada plaintif bahawa beliau adalah seorang yang beragama Islam. Sebabnya, menurut plaintif, defendan telah menjalani kehidupan sebagai seorang yang bukan beragama Islam, di mana defendan telah mengikut sekeluarga dalam makanan yang tidak halal dan amalan cara hidup yang bukan Islam.

Dari keterangan-keterangan affidavit yang dikemukakan, jelas terdapat pertikaian fakta samada defendan adalah seorang yang beragama Islam semasa beliau berkahwin dengan plaintif di bawah Akta tersebut. Oleh kerana terdapat pertikaian fakta itu, sudah tentu mahkamah ini tidak boleh terus membatalkan saman pemula plaintif seperti yang dipohon oleh defendan. Prinsip-prinsip mengenai pembatalan sesuatu tindakan oleh mahkamah telah pun dinyatakan dengan jelas dalam kes *Lee Nyan Choi v Voon Noon* [1979] 2 MLJ 28 di mana Mahkamah Persekutuan telah menyatakan seperti berikut (di ms 29):

> As there are triable issues, the proper cause would be for the issues to be tried in the usual manner in open court. The power to dismiss an action summarily without permitting a party to proceed to trial is a drastic power and should be exercised with utmost caution. The power of summary procedure should only be resorted to in plain and obvious cases.

Di dalam kes ini, jelas terdapat pertikaian fakta, jadi ia bukanlah kes yang jelas dan nyata di mana mahkamah boleh membatalkan tindakan plaintif tanpa mendengar apa-apa keterangan. Atas alasan ini sahaja, saya berpendapat bahawa permohonan defendan untuk membatalkan tindakan plaintif, seharusnya ditolak. Namun demikian, jika pun benar dakwaan defendan bahawa beliau adalah beragama Islam semasa perkahwinannya dengan plaintif didaftarkan di bawah Akta tersebut, saya masih berpendapat bahawa mahkamah ini tidak seharusnya membatalkan tindakan plaintif atas alasan ketiadaan bidangkuasa untuk mendengar tindakan plaintif. Pada saya, walaupun s 3(3) Akta tersebut menyatakan bahawa Akta tersebut adalah tidak berkuatkuasa ke atas seseorang yang beragama Islam, ataupun kepada sesiapa yang berkahwin di bawah undang-undang Islam, defendan adalah diestop atau dihalang daripada menggunakan identitinya sebagai seorang yang beragama Islam, semata-mata untuk mengelak dirinya daripada menjalankan tanggungjawabnya di bawah Akta tersebut, memandangkan defendan semasa mendaftarkan perkahwinannya dengan plaintif telah mengakui dirinya sebagai penganut Buddha. Pengistiharan defendan sendiri sebagai penganut Buddha, menyekat defendan daripada menggunakan penganutan Islam sebagai satu jalan keluar daripada tanggungjawabnya di bawah undang-undang sivil.

Pada saya, memandangkan defendan tidak pernah mendedahkan identiti sebenarnya kepada plaintif sehingga bermulanya tindakan ini, perkahwinannya dikuasai oleh Akta tersebut dan seterusnya termasuk di bawah bidang kuasa mahkamah sivil. Tambahan pula, s 3(3) juga ada menyatakan bahawa:

> ... Nothing herein shall be construed to prevent a Court before which a petition for divorce has been made under section 51 from granting a decree of divorce on the petition of one party to a marriage where the other party has

converted to Islam, and such decree shall notwithstanding any other written law to the contrary, be valid against the party to the marriage who has so converted to Islam.

Jelas peruntukan ini bertujuan untuk memberi suatu penyelesaian untuk mana-mana pihak yang bukan penganut agama Islam semasa presiding penceraian dilakukan. Mohamed Dzaiddin SCJ (pada masa itu) di dalam kes *Tang Sung Mooi v Too Miew Kim* [1994] 3 MLJ 117 di ms 124 telah menguraikan perkara ini seperti berikut:

> Under s 51, where one party to a marriage has converted to Islam, the other party who has not so converted may petition for divorce and the Court, upon dissolving the marriage, may make provision for the wife or husband and for the support, care and custody of the children of the marriage and may attach any condition to decree of dissolution. The legislature, by enacting s 51, clearly envisaged a situation that where one party to a non-Muslim marriage converted to Islam, the other party who has not converted may petition to the High Court for divorce and such ancillary reliefs. In another word, the conversion to Islam of one party to a non-Muslim marriage is made a ground for the other party to apply to the High Court for a divorce and ancillary reliefs. Further, it would appear to us that parliament, in enacting sub-s 51(2), must have had in mind to give protection to non-Muslim spouses and children of the marriage against a Muslim convert.
>
> ... From the wording of s 51(2), the legislature clearly intended to provide ancillary reliefs for non-Muslim spouses and the children of the marriage as a result of one party's conversion to Islam. In our opinion, by implication from s 51(2) above, the High Court, in the present reference, has jurisdiction to hear and determine the ancillary issues. The implication may arise from the language used, from the context or from the application of some external rule. They are of equal force, whatever their derivation. (*Bennion's Statutory Interpretation* (2nd Ed) 1992 p 362). It would result in grave injustice to non-Muslim spouses and children whose only remedy would be in the civil courts if the High Court no longer has jurisdiction, since the Syariah Courts do not have jurisdiction over non-Muslims. In this context of the legislative intent of s 3 and the overall purpose of the Act, the respondent's legal obligation under non-Muslim marriages cannot be surely be extinguished or avoided by his conversion to Islam.

Memanglah benar, fakta kes ini adalah sedikit berbeza. Di dalam kes *Tang Sung Mooi*, ia membincangkan keadaan di mana salah seorang dalam perkahwinan di bawah Akta tersebut, memeluk agama Islam, walhal dalam kes antara plaintif dan defendan di sini, mendedahkan fakta bahawa defendan semasa perkahwinannya didaftarkan di bawah Akta tersebut, mengaku kemudiannya sebagai seorang Islam. Tetapi pada saya, prinsip yang sama adalah terpakai. Pada saya atas fakta kes ini, defendan tidak boleh menggunakan s 3(3), untuk menyekat plaintif daripada menuntut haknya di mahkamah sivil. Akta tersebut sememangnya memperuntukkan perlindungan kepada hak-hak plaintif dan juga anak-anak yang terlibat. Jika tidak di manakah plaintif hendak membuat tuntutan yang berbangkit dan Akta tersebut. Sudah tentunya tidak di Mahkamah Syariah kerana plaintif sebagai bukan Islam tidak boleh membuat tuntutan seperti di saman pemula di Mahkamah Syariah. Oleh itu, saya tidak dapat bersetuju dengan

hujahan peguam bijaksana defendan bahawa mahkamah ini tidak mempunyai bidangkuasa untuk mendengar permohonan plaintif dan atas saranan bahawa mahkamah yang sepatutnya memutuskan perkara ini ialah Mahkamah Syariah. Pada saya, defendan dengan mengisytiharkan diri sebagai penganut Buddha, semasa mendaftarkan perkahwinannya dengan plaintif di bawah Akta tersebut adalah dikuasai oleh Akta tersebut, dan mahkamah yang mempunyai bidang kuasa untuk memutuskan perkara-perkara yang berkaitan dengan Akta tersebut adalah mahkamah sivil.

Permohonan defendan di kandungan 12 dengan itu ditolak dengan kos.

Permohonan defendan ditolak.

Dilaporkan oleh Sivapragasam Kumaran